

11 JAN 2000

Mahathir-Clob

ISU CLOB TIADA KAITAN DENGAN WTO, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata isu Clob (saham syarikat Malaysia yang dulunya diniagakan di Singapura) tidak ada kaitan dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Beliau berkata adalah menjadi hak Singapura jika ia ingin membawa isu Clob (Central Limit Order Book) itu ke WTO.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong semalam bahawa Singapura mungkin membawa isu itu ke WTO jika tiada penyelesaian dicapai.

"Dan menjadi hak kita untuk berkata ini adalah masalah kita, Malaysia dan ia tidak ada kena mengena dengan WTO," kata Dr Mahathir, yang juga presiden Umno, selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota Majlis Tertinggi (MT) dan lima pemimpin Umno dari setiap negeri di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata beliau sedia berjumpa dengan Goh untuk membincangkan perkara itu.

Goh, dalam temuramah dengan Reuters Television yang disiarkan di Singapura semalam, mengulangi pendirian membawa isu Clob ke WTO jika tiada penyelesaian dicapai antara Singapura dan Malaysia.

"Kita berusaha mencari penyelesaian tetapi jika akhirnya tidak berjaya, Singapura tiada pilihan melainkan membawa perkara itu ke WTO dan para pemegang saham juga mungkin mengambil tindakan mahkamah di Malaysia," katanya.

Goh berkata beliau menunggu masa yang sesuai, mungkin selepas Tahun Baru Cina, untuk berbincang dengan Dr Mahathir mengenai isu-isu dua-hala yang memerlukan penyelesaian.

Singapura mahu isu Clob diselesaikan sekali dalam perbincangan isu dua-hala yang juga melibatkan perjanjian baru mengenai bekalan air ke republik itu dan kedudukan tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Singapura.

Dianggarkan RM17 bilion saham syarikat Malaysia, pada harga pasaran sekarang, yang dulunya diniagakan di pasaran Clob kini masih dibekukan setelah Singapura menghentikan pasaran Clob berikutan pelaksanaan langkah kawalan modal oleh Malaysia pada September 1998.

Penyelesaian perkara itu diletakkan diatas bahu bursa saham kedua-dua negara.

Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) baru-baru ini mengumumkan lanjutan tempoh terakhir kepada 30 Jun untuk Central Depository Singapura diberi status nominee keatas saham-saham tersebut setelah tempoh status itu tamat pada 31 Disember 1999.

-- BERNAMA

MAM THG